



Warta HIKMAH

• Untuk Ahli Sahaja • Bil. 3/2008

Jul, Ogos, Sept. 2008 - Rejab/Syaaban/Ramadhan 1429 H

TARBIAH DAN MEDIA DAKWAH HIKMAH

HIKMAH Jadi Tauladan Yang Baik



KUCHING:- Ketua Menteri Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud, menyaran HIKMAH dan badan-badan bukan kerajaan yang lain supaya membantu kerajaan bagi mengenal pasti rakyat yang layak mendapat bantuan kebaikan menggunakan dasar yang akan diperkenal kelak.

Menurut beliau HIKMAH boleh mengatur langkah sendiri dalam usahanya membantu kerajaan ke arah melaksanakan dasar baru itu.

Pehin Sri Haji Abdul Taib berucap pada Majlis Perasmian Perhimpunan Perwakilan HIKMAH kali Ke-16 di Dewan HIKMAH, Petra Jaya pada 25hb. Julai lepas.

Beliau menegaskan HIKMAH harus menjalankan rangka perhubungan dengan agensi kerajaan mahupun masyarakat dari agama lain di dalam program tersebut.

Beliau berkata Islam tidak menghalang umatnya untuk bekerjasama dengan kaum lain asalkan tujuan bekerjasama itu untuk tujuan kebaikan. Menurutnya banyak sebab kita bekerjasama iaitu untuk mengelak agar kita tidak bermusuh. Beliau berkata, HIKMAH boleh membantu dan melatih sukarelawan bagi meningkat pengetahuan di kalangan generasi muda di bandar mahu pun luar bandar.



Menurut Ketua Menteri, dengan adanya konsep sukarelawan bukan saja dari HIKMAH tetapi badan-badan bukan kerajaan yang lain, maka kemudahan yang telah disusun oleh kerajaan dapat diguna dengan lebih berkesan untuk rakyat.

HIKMAH boleh menjadi teladan yang baik dan akan menjadi model yang berjaya pada masa akan datang.

HIKMAH Perlu Berubah



KUCHING: Yang Dipertua, HIKMAH Tan Sri Datuk Amar Haji Abdul Aziz Dato' Husain berkata, HIKMAH perlu mempunyai landasan yang kuat agar dapat memainkan peranan dalam menangkis onak dan duri dalam m e l a k s a n a k a n

Beliau berkata demikian dalam ucapannya pada Majlis Perasmian Perhimpunan Perwakilan HIKMAH Kali Ke-16 yang dirasmikan oleh Ketua Menteri Sarawak Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud di Dewan HIKMAH pada 25 Julai lepas.

Menurut Tan Sri Datuk Amar Haji Abdul Aziz, HIKMAH telah menerima pelbagai cabaran dan rintangan, namun selama 39 tahun berdakwah cabaran itu semakin berubah iaitu kepada masyarakat yang berilmu.

Maka para pendakwah dan warga HIKMAH harus membina dan memperkuuhkan kekuatan dalaman HIKMAH untuk mengorak ke arah kepimpinan yang dinamik sejajar dengan syariat Islam sejati.

"Oleh yang demikian saya yakin dan percaya selama hampir 40 tahun menjalankan usaha dakwahnya di segenap pelusok kawasan negeri ini. HIKMAH telah mengharungi berbagai liku kehidupan dengan baik dan membanggakan" katanya lagi.

kegiatan dakwah dengan memperjelas dan kefahaman Islam yang lebih berkesan.

Beliau berkata, Perhimpunan HIKMAH Kali Ke-16 ini adalah sebagai landasan untuk mencari jalan bagaimana mengukuh keyakinan dan kepercayaan orang ramai tentang Islam.

KANDUNGAN

| | |
|---------------------------|--------------|
| EDITORIAL | 2 |
| INFORMASI | 3 |
| TAZKIRAH | 4 |
| SEMASA | 5 |
| BERITA BERGAMBAR | 6 - 7 |
| AL-QURAN DAN HADIS | 8 |
| SEMASA | 9 |
| TAZKIRAH | 10 |

Pena Pengarang

HIKMAH Memperkasakan Dakwahnya

Assalamualaikum,

Bulan suci Ramadhan Al-Mubarak baru saja menutup tirainya dan umat Islam menyambut kehadiran Hari Raya Aidilfitri dengan penuh kesyukuran dalam pelbagai kemeriahannya.

Bersempena dengan itu, Sidang Redaksi Warta HIKMAH bagi pihak segenap warga HIKMAH Negeri Sarawak dengan tulus ikhlasnya mengucapkan "Selamat Hari Raya Aidilfitri 1429H".

تَقْبِلُ اللَّهِ مَنَا وَمِنْكُمْ

"Taqabballaahu minnaa wa minkum"

"Semoga Allah SWT menerima amal ibadat kita semua". Amin.

SIDANG REDAKSI

Penaung

TAN SRI DATUK AMAR HJ ABDUL AZIZ
DATO HJ HUSAIN
Yang DiPertua

Penasihat

DATU MISNU HAJI TAHIA
Setiausaha Agung Kehormat, HIKMAH

Ketua Pengarang

USTAZ HAJI MOHD. SALLEH HAMDIN

Sidang Pengarang

HAJI ABDUL RAHMAN AHMAT
SARBINI DAHLAN
BAHRUDDIN MANSUR

Wartawan & Jurugambar

HAJI SABRI ABANG

Jurutaip

DYG. HASIAH AWANG SALLEH

HIKMAH sebagai 'Wadah Penerus Perjuangan Dakwah BINA' yang diasaskan pada tahun 1969M yang Insya Allah akan menyambut ulangtahun penubuhannya yang ke-40 pada tahun depan, akan membina dan memperkuatkannya lagi kekuatan dalamannya bagi tujuan mengorak langkah ke hadapan ke arah kepimpinan yang dinamik sejarah dengan tuntutan Islam, sehingga HIKMAH boleh menjadi teladan yang baik dan seterusnya akan menjadi model yang berjaya pada masa akan datang Insya Allah.

Perhimpunan Perwakilan Kali Ke-16 yang baru saja diadakan pada 25-26 Julai 2008M yang lalu, di mana sebahagian besar dalam barisan kepimpinannya atau dalam Majlis Tertinggi telah terpilih barisan muka-muka baru dari golongan muda; telah memberi petanda penuh harapan untuk menjadikan HIKMAH lebih aktif dan cergas memperkasakan lagi misi dakwahnya bagi menjadikannya lebih berkesan dalam pembentukan Umat Islam di negeri ini sebagai Khairul Ummah.

Dan cogankata HIKMAH: 'Ibadatku, Hidup Dan Matiku Kerana Allah', pastinya akan memberikan inspirasi dan dorongan semangat juang kepada semua khasnya kakitangan HIKMAH termasuk para daienya di Bahagian/Cawangan mahupun di Perkampungan Baru Islam (PBI) di pedalaman untuk tetap bergiat cergas dalam melaksanakan tugas di lapangan masing-masing kerana Allah semata-mata, dan sentiasa berjiwa cekal menghadapi pelbagai cabaran dan rintangan, baik dalaman atau pun luaran. Semoga Allah SWT sentiasa bersama kita. Amin Ya Rabbal 'Alamin.

Ustaz Haji Salleh bin Hamden

Bahagian Penerbitan HIKMAH mengalu-alukan sumbangan bahan dari pembaca yang bertuliskan artikel, berita, gambar dan sebagainya untuk dimuatkan di dalam Warta HIKMAH. Setiap bahagian dan cawangan HIKMAH diminta agar dapat menghantar laporan tentang aktiviti-aktiviti dan program yang telah dijalankan di tempat masing-masing. Ahli-ahli HIKMAH yang berminat untuk menghantar sumbangan juga digalakkan. Sidang Pengarang berhak melakukan perubahan atas tulisan yang dikirimkan selagi tidak merubah isinya. Segala sumbangan karya tidak semestinya mencerminkan pendirian dan sikap HIKMAH. Segala sumbangan yang dikirimkan sama ada disiarkan ataupun tidak, tidak akan dikembalikan. Sidang Pengarang juga tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kerosakan atau kehilangan karya yang dikirim melalui pos. Sebarang usaha untuk menerbitkan semula rencana atau mana-mana bahagian dari buletin ini hendaklah mendapat kebenaran dari Sidang Pengarang terlebih dahulu. Setiap sumbangan boleh dihantar terus kepada Bahagian Penerbitan HIKMAH.

Perhimpunan Perwakilan HIKMAH Kali Ke-16

KUCHING: Pertubuhan HIKMAH telah mengadakan Perhimpunan Perwakilan Ke16 berlangsung pada 25 hingga 26 Julai 2008 yang lepas bertempat di Ibu Pejabat HIKMAH, Petra Jaya.

Seramai lebih 150 orang perwakilan dan pemerhati dari seluruh Sarawak termasuk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur menghadiri perhimpunan tersebut yang dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud, Ketua Menteri Sarawak.

Pada majlis tersebut juga laman web rasmi HIKMAH dilancarkan di samping penyampaian sumbangan Skim Bursari HIKMAH kepada anak-anak daie yang cemerlang dalam peperiksaan.

Melalui perwakilan itu juga, pemilihan dilakukan untuk memilih Ahli Majlis Tertinggi HIKMAH yang baru.

Pada tahun ini, pemilihan barisan Ahli Majlis Tertinggi untuk tiga tahun akan datang (2008-2011) terdiri daripada kakitangan kanan kerajaan, teknokrat, tokoh korporat dan intelek pusat pengajian tinggi.

Sementara itu, YBhg. Datu Misnu Haji Taha dan Tuan Haji Abang Mohd. Shibli Haji Abang Mohd. Nailie masing-masing dilantik sebagai Setiausaha Agung Kehormat dan Bendahari Kehormat.

Manakala Pengerusi-pengerusi Bahagian HIKMAH dilantik sebagai Ahli Majlis Tertinggi.

Perhimpunan tersebut membincangkan perkara dasar berhubung isu dasar dan perkara berhubung aktiviti dakwah HIKMAH secara menyeluruh.

Beberapa resolusi dibentang serta dibincangkan dan melulus antara lain cadangan pindaan perlembagaan dan lantikan Penaung HIKMAH iaitu YABhg. Tun Haji Abdul Rahman Ya'kub.

Pelbagai aktiviti turut dianjurkan bersempena perhimpunan tersebut termasuk pameran dan jualan yang dianggotai oleh jabatan kerajaan dan badan korporat di samping sumbangan derma darah.



Ahli Majlis Tertinggi HIKMAH 2008 – 2011

Yang DiPertua

YBhg. Tan Sri Datuk Amar Haji Abdul Aziz
B. Dato Haji Hussain

Timbalan Yang DiPertua

Tuan Haji Ahmad Shazali B. Haji Aba Ibrahim

Naib Yang DiPertua

Tuan Haji Abdul Rahman B. Fadzail
Datu Adi Badiozaman B. Tuah
Encik Abdul Jalil B. Bujang

Setiausaha Agung Kehormat

Datu Misnu Haji Taha

Bendahari Kehormat

Tuan Haji Abg. Mohd. Shibli bin
Abg. Mohd. Nailie

Pegawai Perhubungan

Ustaz Haji Mohd. Salleh Hamdin

Ahli Majlis Tertinggi

Tuan Haji Basar Nasib
Encik Su'udi Arof
Tuan Haji Kamil Ali Hassan
Encik Walled B. Jaraiee
Dr. Haji Wan Ali Tuanku Madhi
Encik Mustapha Erol
Encik Mohd. Nur Furqan Abdullah
Prof. Madya Dr. Hajjah Fatimah Bujang
Dr. Hajah Sadiyah Mohd. Ali
Encik Nur Azman Yaacob B. Ahmad Hanafiah
Ustaz Zainal Abiden Abdul Rasid
Encik Khalik Ibrahim
Tuan Haji Matnor Abang
Dr. Haji Azhar Haji Ahmad
Dr. Awang Ismail Awang Mahmud
Awang Iman Awang Jaya
Encik Fathurrahman Othman
Abang Ahmad Kerdee B. Abang Masagus
Encik Yusuff Ali
Encik Mohamad Seliman Hambali
Encik Hassim Abdul Kadir
Puan Zahardah Ibrahim
Tuan Haji Bolhassan Bujang
Encik Mohamad Fadillah Sabali

Lailatul-Qadar

إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ فِي لَيْلَةِ الْقَدْرِ ۝ وَمَا أَدْرِكَ مَا لَيْلَةُ الْقَدْرِ ۝ لَيْلَةُ الْقَدْرِ خَيْرٌ مِّنْ أَلْفِ شَهْرٍ ۝ تَنَزَّلُ الْمَلَائِكَةُ وَالرُّوحُ فِيهَا بِإِذْنِ رَبِّهِمْ مِّنْ كُلِّ أَمْرٍ ۝ سَلَامٌ هِيَ حَتَّىٰ مَطْلَعِ الْفَجْرِ ۝

1. Sesungguhnya Kami telah menurunkan (Al-Quran) ini pada malam Lailatul-Qadar

2. Dan apa jalannya engkau dapat mengetahui apa dia kebesaran malam Lailatul-Qadar itu?

3. Malam Lailatul-Qadar lebih baik daripada seribu bulan.

4. Pada malam itu, turun malaikat dan Jibril dengan izin Tuhan mereka, kerana membawa segala perkara (yang ditakdirkan berlakunya pada tahun yang berikut);

5. Sejahtera malam (yang berkat) itu hingga terbit fajar!

Tidak ada suatu malam yang mendapat kehormatan begitu tinggi, sebagaimana halnya Lailatul-Qadar, khusus di dalam al-Quran ada satu surah yang menceritakan tentang malam itu, dengan nama khas yakni surah ‘al-Qadar’ sebagai ringkasan daripada Lailatul-Qadar. Surah itu diturun sewaktu Nabi s.a.w. masih berada di Mekah, iaitu ke-25 daripada segala surah, jadi masih pada tahun-tahun permulaan dari ke Nabian.

Meski perkataan ‘malam’ disebut dalam al-Quran sampai 92 kali, bahkan ada yang dijadikan sumpah oleh Allah SWT, tetapi khusus untuk malam Qadar (Lailatul-Qadar) ini diberi kehormatan yang amat tinggi. Di dalam surah ad-Dukhan ayat 3, ‘malam’ itu dinamai ‘malam yang diberi keberkatan’, kerana turunnya al-Quran di malam itu.

Dengan irama dan isi kandungan yang amat berkesan, surah al-Quran yang terdiri dari 5 ayat itu

menyebutkan peri pentingnya malam yang satu malam itu. Suatu peristiwa besar telah terjadi, yakni turunnya Kitab Suci al-Quran dari Allah SWT ke atas Nabi Muhammad s.a.w. untuk mengakhiri zaman kegelapan yang menyelubungi seluruh masyarakat manusia, kemudian akan dibawa ke zaman terang benderang dengan satu prinsip dan ajaran yang maha tinggi dari Allah SWT. Perubahan zaman yang begitu penting ini ditandai dengan ‘Lailatul-Qadar’, malam maha kuasa dan maha kuat yang boleh melesapkan segala kegelapan. *Night of Power*, yang mana dalam sifatnya boleh dinamai ‘the glorius Day of the new spiritual world dawn’, (menyingkapnya hari kemenangan bagi dunia spiritual yang baru).

Turunnya al-Quran pada malam itu dihantar dengan segala bentuk kebesaran, dengan suatu barisan pasukan agung para malaikat yang suci di bawah kepimpinan malaikat Jibril yang dinama ‘Roh’ (pemimpin Rohani). Penghormatan itu berjalan hanya satu malam penuh secara tenang, aman dan damai, hingga terbit fajar pagi. Sengaja digambarkan oleh Allah SWT dengan perkataan ‘Salam’ akan ketenangan malam yang semalam itu, sebagai kisah bagi intipati yang dibawa oleh kitab suci itu, yakni perdamaian.

Malam yang penuh keberkatan itulah yang diraikan setiap tahun dengan nama ‘Lailatul-Qadar’ tentang waktunya yang tepat, dilonggarkan oleh Allah SWT kepada beberapa tanggal yang akhir dari bulan Ramadhan. Tidak lagi semata-mata tanggal 17 Ramadhan, tetapi dimungkinkan kepada beberapa malam yang jatuhnya pada pertiga yang akhir dari Ramadhan.

Penentuan ‘Lailatul-Qadar’ ini menjadi rahsia hikmah yang tinggi dari Allah SWT yang Maha Mengetahui, meski turunnya al-Quran ditetapkan peringatannya pada 17 Ramadhan.

Wallahu A’lam.

Israk Wal Mikraj Kampung Nanga Klassin



SRI AMAN:- Program Israk dan Mikraj telah diadakan di rumah Haji Nolie Abdullah, Kampung Nanga Klassin, Sri Aman pada hari Sabtu 2hb. Ogos lepas.

Seramai 70 orang Saudara Kita dan penduduk sekitarnya telah menghadiri program tersebut. Selain ceramah kisah perjalanan Nabi Muhammad s.a.w. dalam Israk wal Mikraj. Majlis dialog dan penyampaian bantuan keperluan dapur kepada 38 orang keluarga turut diadakan dalam majlis tersebut.

Program Israk wal Mikraj adalah anjuran bersama Unit Dakwah Pedalaman HIKMAH, Bahagian Dakwah JAKIM Cawangan Sarawak dan Urusetia Saudara Kita Sri Aman.

Sementara itu di Kampung Darul Huda, Tepoi majlis serupa turut diadakan, bermula dengan ujian hafazan dan azan.

Kursus Aku Anak Soleh

KUCHING: Berlatar belakang objektif ianya dilaksanakan adalah untuk membimbing peserta menyebut huruf-huruf al-Quran sesuai dengan sifat-sifat dan makhraj dengan tepat, membimbing anak-anak membaca al-Quran dengan fasih dari segi hukum tajwid, membimbing anak-anak untuk

menghayati bacaan al-Quran dan memperkenalkan teknik-teknik dalam gaya bacaan al-Quran dengan betul.

Maka pada 21 Ogos lepas berlangsung Kursus Aku Anak Soleh bertempat di Surau Desa Ilmu Kota Samarahan. Seramai 65 kanak-kanak berumur 4-12 tahun telah mengikuti kursus yang berlangsung pada hari tersebut. Sementara itu di Ibu Pejabat HIKMAH Petra Jaya, Kuching kursus serupa turut dihadiri oleh lebih 35 orang kanak-kanak sekitar Kuching.



Pasar Ria Tadika BINA (HIKMAH)

Datuk Bandar Raya Kuching Utara (DBRU), Tuan Haji Abang Atei Haji Madaan telah merasmikan Pasar Ria Tadika BINA (HIKMAH) baru-baru ini, yang bertempat di Kampung Malaysia Jaya, Kuching. Pelbagai aktiviti telah diadakan bagi memeriahkan majlis tersebut, antaranya ialah pertandingan mewarna dan Tilawah Al-Quran.



Berita Bergambar

Majlis Perasmian Perhimpunan Perwakilan HIKMAH Kali Ke-16





Berbuka Puasa

إِنَّ أَحَبَّ عَبْدٍ إِلَيْنَا أَعْجَلْهُمْ فِطْرًا

(رواه أحمد والترمذى عن أبي هريرة)

"Sesungguhnya yang sangat Aku kasihi di antara hamba-hambaku ialah yang menyegerakan berbuka puasanya."

(HR Ahmad dan Tirmidzi)

Puasa itu adalah suatu amal *taqarrub* (pendekatan diri) yang amat dicintai oleh Allah S.W.T. sama ada yang merupakan wajib iaitu pada bulan Ramadhan, maupun puasa sunah, atau yang dikerjakan secara sukarela saja. Banyak hadis yang membincarakan tentang keutamaan puasa dan keberkatannya, sehingga kalau hendak dibincarakan satu persatu akan tersusunlah sebuah buku yang tersendiri. Di antaranya, Allah S.W.T. telah berjanji akan membalaas sendiri orang yang berpuasa itu, kerana "ia telah meninggalkan makan dan minum kerana Aku," demikianlah bunyi salah satu hadis Qudsi yang menerangkan tentang keutamaan puasa itu.

Apabila kita telah berpuasa sehari suntuk, maka berbukalah kita sesudah masuk waktu berbukanya. Di sini (dalam hadis Qudsi di atas) Allah Ta'ala telah menegaskan ataupun memerintahkan orang yang berpuasa itu supaya segera membuka puasanya, dan janganlah ia melengah-lengahkan berbuka setelah masuk waktunya, agar segera pula ia dapat mensyukuri Allah atas nikmat makanan dan minuman yang sedang ia menjamu seleranya, sama ada sedikit, apatahlah lagi kalau banyak dan menyelerakan pula. Sebab manusia tidak akan dapat menilai nikmat makanan dan minuman dengan sebenar-benarnya, melainkan setelah ia merasa lapar dan dahaga, di mana ia benar-benar menghajatkan kepada makanan dan minuman itu.

Hanya ketika itulah baru ia dapat mengetahui penderitaan orang-orang yang tidak berada, yang hidupnya kadang kenyang dan kadang lapar, supaya ia gemar pula menghulurkan bantuan berupa wang ringgit atau makanan untuk meringankan penderitaan mereka.

Jelasnya, hadis Qudsi ini mengandungi maksud yang simbolik, iaitu menuntut dari kita supaya selalu mengingati orang-orang susah yang sentiasa menderita kelaparan.

Amalan puasa kita itu menyimpulkan suatu gambaran yang praktikal bagi diri kita, betapa orang yang tidak punya itu sering menderita kelaparan. Sebab itu apabila kita berbuka puasa, seharusnya kita mengingatkan diri kita bahawa nun di sana ada ramai lagi orang yang terus masih dahaga dan lapar, kerana tidak punya apa-apa untuk menutupi dahaga dan lapar mereka. Sebagaimana kita dituntut untuk menghulurkan bantuan kepada mereka yang tidak punya, tanda kesyukuran kepada Allah SWT yang telah mencukupi kita, dan tanda suka berbakti pula dari kelebihan yang telah diberikan-Nya kepada kita.

Wallahu A'lam.

Yang Dipertua

dan

Ahli-ahli Majlis Tertinggi
serta

Warga Kerja HIKMAH
Sidang Redaksi Warta HIKMAH

mengucapkan

***Selamat Hari Raya
Aidilfitri***

Maaf Zahir dan Batin

Kepada
Semua Ahli-ahli HIKMAH
dan seluruh
kaum Muslimin/Muslimat



Program Ihya Ramadhan di Perkampungan Baru Islam (pedalaman)

Bulan Ramadhan adalah bulan yang senantiasa dinantikan oleh seluruh umat Islam di mana sahaja berada. Kata-kata "RAMADHAN" ketibaanmu dinantikan dan kepergianmu ditangisi menggambarkan betapa pentingnya peranan ibadah dalam bulan Ramadhan khususnya ibadah puasa dalam membentuk sahsiah manusia serta membina model insan selari dengan kehendak zaman. Aktiviti di dalam bulan Ramadhan diharapkan dapat membentuk keperibadian sebagai orang Islam di samping mewujudkan suasana ukhuwah Islamiah selain dapat meningkatkan kualiti iman, ilmu dan amal.

Melalui program ini, warga HIKMAH dan Unit Dakwah Pedalaman dapat merasai suasana berbuka puasa dan sholat terawih bersama-sama penduduk kampung di kawasan pedalaman, suasana tersebut tak sama dengan kawasan lain. Bermula pada awal Ramadhan program akan berakhir pada 29 Ramadhan.

Objektif


Memberi tunjuk ajar dan kefahaman kepada masyarakat Islam khususnya di kawasan pedalaman tentang tanggungjawab dan peranan umat Islam dalam memartabatkan bulan Ramadhan dalam masyarakat majmuk.

Memberi panduan kepada masyarakat Islam di kawasan pedalaman tentang cara/kaedah beribadah sepanjang bulan Ramadhan.

Memupuk semangat silaturrahim, ukhuwah Islamiah dan kerjasama dalam usaha mempertingkatkan amalan ibadah dalam bulan Ramadhan.

Sesuai dengan perkembangan semasa, aktiviti yang telah dijalankan antaranya ialah gotong-royong penyediaan juadah berbuka puasa/makan malam dan moreh. Di samping itu diisi dengan majlis doa selamat, tazkirah, sholat berjemaah Maghrib/Isy/terawih. Pada kali ini, untuk mengeratkan lagi persaudaraan/menyemai hubungan dengan masyarakat, pihak kami telah menjemput pemimpin-pemimpin masyarakat Tuai-tuai Rumah/AJK Kampung yang bukan beragama Islam hadir dalam majlis berbuka puasa.

Sebanyak 17 lokasi telah dilawati – (6 tempat menggunakan rumah penduduk kampung, 7 buah surau yang tidak



mempunyai Daie dan 4 buah surau yang ada Daie. Antaranya ialah:

Kampung Kendaie, Biawak Lundu, Kampung Stungkor, Bau/Lundu, Kampung Jangkar Lundu, Kampung Jaong, Pantu, Sri Aman, Kampung Sg. Resit, Pedawan, Kampung Gayu, Pedawan, Kampung Kohom, Tebedu, Kampung Insan Jaya, Tebedu, Kampung Tian, Serian, Kampung Darul Falah, Surau Ibadurrahman Merindun, Lubok Antu, Kampung Darul Falah Temong, Kampung Mawang, Simunjan, Kampung Semelap Ulu, Simunjan, Kampung Darul Salam Blau, Simunjan, Kampung Pedaun/Blimbin, Bau



Lawatan ke Hospital Sarawak

HIKMAH turut bersama dengan agensi Islam yang lain telah mengadakan lawatan ke Hospital serta menyampaikan sumbangan kepada pesakit-pesakit kanser sempena bulan Ramadhan tahun ini.

Gambar, Tuan Haji Abdulah Rahman Ahmad sedang menyampaikan sumbangan kepada salah seorang pesakit.

Inginkah Anda Menjadi Orang Yang Ikhlas?

SEORANG ulama yang bernama Sufyan Ats Tsauri pernah berkata, "Sesuatu yang paling sulit bagiku untuk aku luruskan adalah niatku, kerana begitu seringnya ia berubah-ubah". Niat yang baik atau keikhlasan merupakan sebuah perkara yang sulit untuk dilakukan. Hal ini dikenakan sering berbolak-baliknya hati kita. Terkadang ia ikhlas, di lain waktu tidak. Padahal, sebagaimana yang telah kita ketahui bersama, ikhlas merupakan suatu hal yang mesti ada dalam setiap amal kebaikan kita. Amal kebaikan yang tidak terdapat keikhlasan di dalamnya hanya akan menghasilkan kesia-siaan belaka. Bahkan bukan hanya itu, ingatlah kita akan sebuah hadis Rasulullah yang menyatakan bahawa tiga orang yang akan masuk neraka terlebih dahulu adalah orang-orang yang beramal kebaikan namun bukan kerana Allah?. Ya, sebuah amal yang tidak dilakukan ikhlas kerana Allah bukan hanya tidak dibalas apa-apa, bahkan Allah akan mengazab orang tersebut, kerana sesungguhnya amalan yang dilakukan bukan kerana Allah termasuk perbuatan kesyirikan yang tak terampuni dosanya kecuali jika ia mengampuni dosa syirik, dan Dia mengampuni segala dosa yang selain dari (syirik) itu, bagi siapa yang dikehendaki-Nya. Barang siapa yang memperseketukan Allah, maka sesungguhnya ia telah berbuat dosa yang besar." (QS. An Nisa: 48).

Ibnu Rajab dalam kitabnya Jami'ul Ulum Wal Hikam menyatakan, "Amalan riya yang murni jarang timbul pada amal-amal wajib seorang mukmin seperti sholat dan puasa, namun terkadang riya muncul pada zakat, haji dan amal-amal lainnya yang dilihat mata manusia atau pada amalan yang memberikan manfaat bagi orang lain seperti berdakwah, membantu orang lain dan sebagainya. Keikhlasan dalam amalan-amalan semacam ini sangatlah berat, amal yang tidak ikhlas akan sia-sia, dan pelakunya berhak untuk mendapatkan kemurkaan dan hukuman dari Allah."

Bagaimana menjadi orang yang ikhlas?

Syaitan akan senantiasa menggoda dan merosak amal-amal kebaikan yang dilakukan oleh seorang hamba. Seorang hamba akan terus berusaha untuk melawan iblis dan bala tenteranya hingga ia bertemu dengan Tuhanya kelak dalam keadaan iman dan mengikhlaskan seluruh amal perbuatannya. Oleh kerana itu, sangat penting bagi kita untuk mengetahui hal-hal apakah yang dapat membantu kita agar dapat mengikhlaskan seluruh amal perbuatan kita kepada Allah semata, dan di antara hal-hal tersebut adalah:

Banyak Berdoa

Di antara yang dapat menolong seorang hamba untuk ikhlas adalah dengan banyak berdoa kepada Allah. Lihatlah Nabi kita Muhammad s.a.w., di antara doa yang sering beliau panjatkan adalah doa:

"Ya Allah, aku memohon perlindungan kepadaMu dari perbuatan menyekutukanMu sementara aku mengetahuinya, dan aku pun memohon ampun terhadap perbuatan syirik yang tidak aku ketahui." (Hadis Shahih riwayat Ahmad).

Nabi kita sering memanjatkan doa agar terhindar dari kesyirikan pada hal beliau adalah orang yang paling jauh dari kesyirikan. Inilah dia, Umar bin Khattab radhiyallahu 'anhu, seorang sahabat besar dan utama, sahabat terbaik setelah Abu Bakar, di antara doa

yang sering beliau panjatkan adalah, "Ya Allah, jadikanlah seluruh amalanku amal yang soleh, jadikanlah seluruh amalanku hanya kerana ikhlas mengharapkan rahmatMu, dan jangan jadikan sedikitpun dari amalanku tersebut kerana orang lain."

Menyembunyikan Amal Kebaikan

Hal lain yang dapat mendorong seseorang agar lebih ikhlas adalah dengan menyembunyikan amal kebaikannya. Yakni dia menyembunyikan amal-amal kebaikan yang disyariatkan dan lebih utama untuk disembunyikan (seperti solat sunat, puasa sunat dan lain-lain). Amal kebaikan yang diluahkan tanpa diketahui orang lain lebih diharapkan amal tersebut ikhlas, kerana tidak ada yang mendorongnya untuk melakukan hal tersebut kecuali hanya kerana Allah semata. Rasulullah s.a.w. bersabda dalam sebuah hadis, *"Tujuh golongan yang akan Allah naungi pada hari di mana tidak ada naungan selain dari naunganNya iaitu pemimpin yang adil, pemuda yang besar di atas ketaatan Allah, lelaki yang hatinya senantiasa terikat dengan masjid, dua orang yang mencintai kerana Allah, bertemu dan berpisah keranaNya, seorang lelaki yang diajak berzina oleh seorang wanita yang cantik dan memiliki kedudukan, namun ia berkata: sesungguhnya aku takut kepada Allah, seseorang yang bersedekah dan menyembunyikan sedekahnya tersebut hingga tangan kirinya tidak mengetahui apa yang diinfakkan oleh tangan kanannya dan seseorang yang mengingat Allah di waktu sendiri hingga menitislah air matanya."* (HR. Bukhari Muslim).

Apabila kita perhatikan hadis tersebut, kita dapatkan bahawa di antara sifat orang-orang yang akan Allah naungi kelak di hari kiamat adalah orang-orang yang melakukan kebaikan tanpa diketahui oleh orang lain. Dalam hadis lain, Rasulullah bersabda *"Sesungguhnya sebaik-baik solat yang dilakukan oleh seseorang adalah solat yang dilakukan di rumahnya kecuali solat wajib."* (HR. Bukhari Muslim).

Rasulullah s.a.w. menyatakan bahawa sebaik-baik solat adalah solat yang dilakukan di rumah kecuali solat wajib, kerana hal ini lebih melatih dan mendorong seseorang untuk ikhlas. Syaikh Muhammad bin Shalih Al Utsaimin rahimahullah dalam Syarah Riyadush Shalihin menyatakan, *"di antara sebabnya adalah kerana solat (sunnah) yang dilakukan di rumah lebih jauh dari riya, kerana sesungguhnya seseorang yang solat (sunnah) di masjid dilihat oleh manusia, dan terkadang di hatinya pun timbul riya, sedangkan orang yang solat (sunat) di rumah maka hal ini lebih dekat dengan keikhlasan."* Basyr bin Al Harits berkata, *"Janganlah engkau beramal agar engkau disebut-sebut, sembunyikanlah kebaikanmu sebagaimana engkau menyembunyikan keburukanmu".*

Seseorang yang benar-benar jujur dalam keikhlasannya, ia lebih suka untuk menyembunyikan kebaikannya sebagaimana ia menyembunyikan kejahatannya. Maka dari itu wahai saudaraku, marilah kita berusaha untuk membiasakan diri menyembunyikan kebaikan-kebaikan kita, kerana ketahuilah, hal tersebut lebih dekat dengan keikhlasan.

Memandang Rendah Amal Kebaikan

Memandang rendah amal kebaikan yang kita lakukan dapat mendorong kita agar amal perbuatan kita tersebut lebih ikhlas. Di antara bencana yang di alami seorang hamba adalah ketika ia merasa ridha dengan amal kebaikan yang dilakukan, di mana hal

ini dapat membawanya ke dalam ujub (berbangga diri) yang menyebabkan rosaknya keikhlasan. Semakin ujub seseorang terhadap amal kebaikan yang ia lakukan, maka akan semakin kecil dan rosak keikhlasan dari amal tersebut, bahkan pahala amal kebaikan tersebut dapat hilang sia-sia. Sa'id bin Jubair berkata, "Ada orang yang masuk syurga kerana perbuatan maksiat dan ada orang yang masuk neraka kerana amal kebaikannya." Ditanyakan kepada beliau, "Bagaimana hal itu boleh terjadi?". Beliau menjawab, "seseorang melakukan perbuatan maksiat, ia pun senantiasa takut terhadap azab Allah dan Allah pun mengampuni dosanya kerana rasa takutnya itu, sedangkan ada seseorang yang dia beramal kebaikan, ia pun senantiasa bangga terhadap amalnya tersebut, maka ia pun bertemu Allah dalam keadaan demikian, maka Allah pun memasukkannya ke dalam neraka".

Takut Akan Tidak Diterimanya Amal

Allah berfirman:

"Dan orang-orang yang memberikan, dengan hati yang takut (takut tidak diterimanya amal perbuatan mereka) Sesungguhnya mereka akan kembali kepada Tuhan mereka." (QS.Al Mu'minun: 60)

Pada ayat ini Allah menjelaskan bahawa di antara sifat-sifat orang mukmin adalah mereka yang memberikan suatu pemberian, namun mereka takut akan tidak diterimanya amal perbuatan mereka tersebut (Tafsir Ibnu Katsir).

Hal sedemikian juga telah dijelaskan oleh Rasulullah s.a.w. yang diriwayatkan dari Aisyah ketika beliau bertanya kepada Rasulullah tentang makna ayat di atas. Ummul Mukminin Aisyah berkata, "Wahai Rasulullah apakah yang dimaksud dengan ayat, "Dan orang-orang yang memberikan apa yang telah mereka berikan, dengan hati yang takut, (kerana mereka tahu bahawa) Sesungguhnya mereka akan kembali kepada Tuhan mereka" adalah orang yang mencuri, berzina dan meminum yang memabukkan kemudian ia takut terhadap Allah? Maka Rasulullah pun menjawab: Tidak wahai putri Abu Bakar Ash Shiddiq, yang dimaksud dengan ayat itu adalah mereka yang solat, puasa, bersedekah namun mereka takut tidak diterima oleh Allah amalan mereka." (HR Tirmidzi dengan sanad shahih).

Wahai saudaraku, di antara hal yang dapat membantu kita untuk ikhlas adalah hendaknya kita merasa takut, tidak diterimanya amal kebaikan kita oleh Allah. Kerana sesungguhnya keikhlasan itu tidak hanya ada ketika kita sedang mengerjakan amal kebaikan. Apalah erti kita ikhlas ketika beramal, namun setelah itu kita merasa hebat dan bangga kerana kita telah melakukan amal tersebut. Bukankah pahala dari amal kebaikan tersebut akan hilang dan sia-sia? Bukankah dengan demikian amal kebaikan kita tidak akan diterima oleh Allah? Tidakkah kita takut akan munculnya perasaan bangga setelah kita beramal salah yang menyebabkan tidak diterimanya amal kita tersebut? Dan pada kenyataannya hal ini sering terjadi dalam diri kita. Alangkah ruginya hal yang demikian itu.

Tidak Terpengaruh Oleh Pujian Manusia

Pujian dan perkataan orang lain terhadap seseorang merupakan suatu hal yang biasanya disukai oleh manusia. Bahkan Rasulullah pernah menyatakan ketika ditanya tentang seseorang yang beramal kebaikan kemudian ia dipuji oleh manusia kerananya, beliau menjawab, "Itu adalah khabar gembira yang disegerakan bagi seorang mukmin." (HR Muslim)

MOTIVASI Ibu Bapa

KUCHING:- Program Motivasi Keibu bapaan telah diadakan di Kampung Darul Huda, Tepoi adalah antara aktiviti sempena sambungan Israk Mikraj di perkampungan Saudara Baru, Tepoi baru-baru ini.

Objektif program mendedahkan para peserta tentang peranan ibu bapa dalam mendidik anak-anak.

Program selama tiga hari itu bermula pada 1 – 3 Ogos itu diisi dengan pelbagai aktiviti di antaranya sukaneka untuk kanak-kanak dan dewasa, ujian hafazan dan azan untuk kanak-kanak dewasa lelaki dan perempuan, ceramah agama, kuliah maghrib dan subuh telah diadakan.

Dakwah Bil Hal Kampung Rodan

KUCHING :- Seramai lebih kurang 40 orang pelajar terdiri daripada 20 lelaki dan 20 perempuan Sekolah Menengah Sains Kuching dengan penyertaan penduduk Kampung Rodan telah menyertai program "Dakwah Bil Hal" kampung tersebut pada 27 – 29 Jun lepas. Selama berkampung 3 hari 2 malam itu pelajar-pelajar telah ditempatkan di rumah keluarga angkat mereka.

Antara aktiviti yang dianjurkan, seperti kuliah Maghrib dan kuliah Subuh. Ujian hafasan/azan untuk lelaki dewasa dan perempuan serta anak-anak sekolah, pertandingan mewarna dan gotong-royong.

Majlis penangguhan program telah disempurnakan oleh Ustaz Yakub bin Abdul Rahman, Pengarah JAKIM Cawangan Sarawak, turut hadir Pegawai Eksekutif HIKMAH, Encik Alwi bin Haji Morshidi dan Pengurus Dakwah HIKMAH, Tuan Haji Abdul Rahman Ahmat. Pada majlis itu juga diadakan penyampaian sumbangan barang-barang dapur kepada penduduk Kampung Rodan serta fakir miskin dari Kampung Rayang, Blimbin.

Majlis Khatamal Al-Quran

Setelah sepanjang bulan Ramadhan bertadrus di Ibu Pejabat HIKMAH, warga kerjanya telah menganjur Majlis Khatamal Al-Quran di kediaman Yang DiPertua, Tan Sri Datuk Amar Haji Abdul Aziz Dato Husain di Tinggian Demak pada akhir Ramadhan baru-baru ini.

Yang DiPertua mengetuai khatamal Al-Quran yang turut disertai oleh ahli-ahli Majlis Tertinggi dan warga kerja HIKMAH.

Pada majlis itu juga, Tan Sri Datuk Amar Haji Abdul Aziz menyampaikan hadiah-hadiah kepada peserta-peserta khatamal Al-Quran.

Sembahyang Fardhu Maghrib, Isyak dan Sembahyang Sunat Tarawih berjemaah serta majlis berbuka puasa turut diadakan pada hari tersebut.

